

**MENELUSURI PERANAN NAHU ARAB DALAM PEMAHAMAN METAFIZIK:
ANALISIS TEMATIK DARIPADA PENSYARAH BAHASA ARAB UnIPSAS**

Muhamad Fairuz Ali¹

Kamarul Shukri Mat Teh¹

¹Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia. (Email: mfairuz@unipsas.edu.my)¹

ABSTRAK

Penguasaan ilmu nahu Arab memainkan peranan penting dalam memahami teks al-Quran secara tepat dan menyeluruh, khususnya dalam aspek makna tersirat dan pemikiran metafizik yang terkandung di dalamnya. Namun begitu, kepentingan nahu Arab sering kali dilihat secara teknikal semata-mata tanpa meneliti kaitannya dengan aspek epistemologi dan penghayatan akidah. Justeru, kajian ini bertujuan menelusuri pandangan pensyarah bahasa Arab terhadap kepentingan penguasaan nahu Arab dalam konteks pendidikan tinggi bagi memahami konsep-konsep metafizik dalam al-Quran. Kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian fenomenologi ini melibatkan enam orang pensyarah Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah. Data dikumpul melalui kaedah temu bual separa berstruktur yang dilakukan secara mendalam. Data yang diperoleh dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti corak pemikiran dan hujahan yang dikemukakan oleh para responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nahu Arab bukan sekadar alat linguistik, tetapi merupakan asas epistemologi yang penting untuk menyingkap makna tersirat dan dimensi metafizik yang terkandung dalam teks al-Quran. Pensyarah turut menekankan keperluan memperkukuh pengajaran nahu dalam kurikulum pengajian tinggi Islam bagi melahirkan pelajar yang mampu mentafsir teks al-Quran secara lebih mendalam dan berasaskan kefahaman yang tepat. Kajian ini menyarankan agar pendekatan pengajaran nahu dalam pendidikan tinggi diberi perhatian semula dengan menekankan hubung kaitnya dengan ilmu akidah, falsafah dan metafizik Islam.

Kata kunci: pembelajaran nahu Arab, metafizik, pengajian tinggi.

¹Diterima; 20 Oktober 2025. Disemak; 23 November 2025, Diterbitkan; 29 Disember 2025.

**EXPLORING THE ROLE OF ARABIC GRAMMAR IN UNDERSTANDING
METAPHYSICS: A THEMATIC ANALYSIS FROM ARABIC LANGUAGE
LECTURERS AT UNIPSAS**

ABSTRACT

Mastery of Arabic grammar plays a crucial role in accurately and comprehensively understanding the Quranic text, particularly in grasping the implicit meanings and metaphysical concepts embedded within it. However, the importance of Arabic grammar is often viewed merely from a technical perspective, without examining its epistemological relevance and its connection to faith comprehension. Therefore, this study aims to explore the perspectives of Arabic language lecturers on the significance of mastering Arabic grammar in the context of higher education to understand metaphysical concepts in the Quran. Using a qualitative approach through semi-structured interviews, six lecturers from Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS) were interviewed in depth. The data were thematically analyzed to identify the patterns of thought and reasoning presented by the participants. The findings reveal that Arabic grammar is not merely a linguistic tool but a foundational epistemological element essential for uncovering the implicit meanings and metaphysical dimensions within the Quranic text. The lecturers also emphasized the need to strengthen grammar instruction within Islamic higher education curricula to produce students capable of interpreting the Quran more deeply and accurately. This study recommends that the approach to teaching Arabic grammar in higher education be revisited, with greater emphasis on its interconnection with Islamic theology, philosophy, and metaphysics.

Keywords: Arabic grammar learning, metaphysics, higher education.

Pendahuluan

Nahu Arab memainkan peranan penting dalam memahami teks al-Quran secara mendalam, terutamanya bagi menyingkap dimensi metafizik yang terkandung di dalamnya. Sebagai bahasa wahyu, struktur linguistik Arab bukan sahaja menyampaikan makna literal tetapi juga menyiratkan konsep-konsep falsafah dan metafizik yang mendalam. Penguasaan nahu Arab membolehkan pembaca menafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan lebih tepat, dan mengelakkan kesalahan interpretasi yang boleh membawa kepada pemahaman yang menyimpang. Hal ini sejajar dengan pandangan Al-Zamakhshari dalam karyanya *Al-Kashshaf*, yang menekankan kepentingan nahu bagi menafsirkan makna tersirat dalam al-Quran (Sofyan Sauri, 2020).

Dalam konteks pendidikan tinggi Islam, pengajaran nahu Arab sering kali berfokus kepada aspek teknikal tanpa mengaitkannya dengan dimensi epistemologi dan metafizik. Namun, pendekatan ini boleh menyebabkan pelajar tidak menyedari hubungan antara struktur bahasa dan konsep-konsep metafizik dalam al-Quran. Kajian oleh Dani Saputra et al., (2021) menekankan bahawa epistemologi dalam pembelajaran bahasa Arab perlu merangkumi pendekatan *bayani*, *irfani*, dan *burhani* untuk memberikan kefahaman yang holistik kepada pelajar. Pendekatan ini membolehkan pelajar menghubungkan aspek linguistik dengan pemahaman metafizik secara lebih mendalam.

Pembelajaran bahasa merupakan satu proses memahami, memperoleh dan menggunakan sesuatu bahasa dengan baik sama ada ia bahasa pertama atau bahasa kedua. Ia melibatkan pelbagai aspek bahasa seperti fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, pragmatik dan sebagainya. Miladya (2018) serta Wicaksono dan Roza (2015) mengatakan proses pembelajaran bahasa boleh berlaku secara formal di sekolah atau universiti. Proses ini juga boleh berlaku secara tidak formal melalui perbualan harian, media massa dan persekitaran. Pembelajaran bahasa merujuk kepada proses memperoleh dan menguasai bahasa kedua atau bahasa asing. Ia melibatkan penguasaan bahasa dalam komunikasi, memahami makna, mampu menterjemah, serta segala yang berkaitan dengan penggunaan bahasa (Takdir, 2020).

Menurut Skinner (1978), proses pemerolehan bahasa telah bermula sejak kecil lagi apabila kanak-kanak mula mendengar bahasa yang dituturkan oleh ibu bapanya. Kanak-kanak tersebut kemudian mampu mengembangkan bahasanya walaupun tanpa latihan yang meluas. Hal ini kerana perkembangan pemerolehan bahasa ini dibantu oleh deria, persekitaran, suasana dan pengalaman. Bagi pembelajaran bahasa kedua, seseorang itu perlu mengetahui maklumat berkaitan bahasa tersebut dan mempraktikkannya. Komunikasi berkesan akan berlaku dan tahap pemahaman dan penguasaan bahasa tersebut akan semakin meningkat.

Dalam konteks pembelajaran nahu, strategi pembelajaran sering menjadi tumpuan kerana keutamaan dan kepentingannya dapat mempengaruhi pemerolehan bahasa dalam kalangan pelajar. Antara strategi yang diterapkan ialah metafizik yang merangkumi aspek kepercayaan, intuisi dan dimensi kerohanian. Strategi ini boleh memberikan impak yang signifikan terhadap keberkesanan pembelajaran bahasa. Strategi metafizik ini memerlukan seorang itu menerapkan elemen kerohanian seperti niat sebelum belajar, doa, meditasi, kepercayaan, pembelajaran untuk tujuan

agama dan sebagainya. Konsep ini bukan sahaja menjadi tradisi keilmuan Islam tetapi juga terkandung dalam falsafah pembelajaran bahasa yang lain. Peranan metafizik dalam pembelajaran bahasa dapat membuka dimensi baharu dalam meningkatkan motivasi, daya tahan, intelektual dan keberkesanan proses pemerolehan bahasa (Miladya, 2018).

Penguasaan nahu Arab dalam kalangan pelajar pendidikan tinggi Islam sering kali dihadkan kepada aspek teknikal semata-mata seperti *i' rāb, bina* dan struktur ayat, tanpa penekanan terhadap fungsinya dalam memahami dimensi falsafah dan metafizik al-Quran. Hal ini menyebabkan pelajar tidak melihat kaitan antara ilmu nahu dengan penghayatan kandungan al-Quran secara mendalam, khususnya ketika menyingkap makna-makna tersirat berkaitan konsep wujud, ghaib, dan ketuhanan. Walhal, nahu Arab berperanan sebagai alat epistemologi yang membolehkan pembaca menggali maksud metafizik yang terkandung dalam susunan dan gaya bahasa wahyu (Saputra et al., 2023).

Kajian lepas lebih menumpukan kepada kepentingan nahu dari sudut linguistik dan pedagogi semata-mata, namun masih kurang kajian yang meneliti secara mendalam bagaimana nahu Arab membantu dalam memahami aspek metafizik al-Quran, terutamanya daripada sudut pandang tenaga pengajar sendiri. Kekurangan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana pendekatan pengajaran nahu dalam institusi pengajian tinggi Islam mampu memenuhi keperluan intelektual pelajar bagi memahami kandungan al-Quran secara holistik dan bermakna.

Selain itu, terdapat jurang antara penguasaan ilmu nahu yang bersifat mekanikal dengan tuntutan untuk memahami teks al-Quran yang sarat dengan konsep metafizik seperti qada' dan qadar, alam ghaib, dan hakikat insan. Oleh itu, perlunya kajian yang meneroka pandangan para pensyarah bahasa Arab mengenai hubungan langsung antara penguasaan nahu dan pemahaman metafizik al-Quran. Dapatan ini penting untuk merangka pendekatan pengajaran yang lebih integratif, yang menghubungkan dimensi bahasa dan falsafah Islam (Sauri, 2020).

Justeru, kajian ini dijalankan untuk menelusuri pandangan pensyarah bahasa Arab di institusi pengajian tinggi Islam terhadap peranan nahu Arab dalam membantu pelajar memahami kandungan metafizik al-Quran. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti keperluan penyusunan semula kurikulum nahu agar ia lebih sejajar dengan matlamat pendidikan Islam yang holistik dan berasaskan wahyu.

Sorotan Literatur

Metafizik ditakrifkan sebagai falsafah atau ilmu pengetahuan mengenai segala yang di luar alam biasa atau tidak kelihatan. Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) mentakrifkan metafizik sebagai sinonim dengan kata ma'kulat atau ilmu di sebalik alam semula jadi. Metafizik bertujuan mengetengahkan prinsip-prinsip yang tersusun bagi alam ini. Bidang ini berbeza dengan ilmu alam semula jadi yang membahaskan perkara zahir iaitu luaran alam ini sahaja.

Istilah metafizik berasal dari bahasa Yunani. Perkataan ini terdiri daripada '*meta*' bermaksud selepas dan '*fizik*' bermaksud mengenai alam (Van Inwagen, 2024). Perkataan metafizik secara umumnya membawa maksud melangkaui alam fizik.

Dalam konteks keagamaan, metafizik merujuk kepada kajian berkaitan kewujudan yang bersifat ghaib serta tidak dapat dikesan oleh pancaindera manusia. Perbincangan ini berkaitan hakikat ketuhanan, roh, alam ghaib, serta hubungan antara manusia dan tuhan. Dalam bidang agama, metafizik menjadi asas kepada kepercayaan kerana ia menjelaskan kewujudan sesuatu yang melangkaui dunia yang boleh dilihat secara fizikal. Perkara-perkara perbincangan seperti kehidupan selepas mati, takdir, kewujudan makhluk ghaib, adalah antara beberapa perkara utama berkaitan metafizik yang tidak dapat diuji secara saintifik. Walau bagaimanapun, perkara ini diyakini melalui penurunan wahyu, kitab-kitab suci dan kepercayaan amalan spiritual (Chuan, 2006).

Aristotle (1933) menegaskan bahawa fizik adalah aspek paling penting dalam falsafah. Beliau juga merujuk metafizik sebagai falsafah utama yang berkaitan dengan kewujudan dan prinsip pertama realiti. Menurutnya, metafizik bertujuan untuk memahami kewujudan sebagai kewujudan itu sendiri dan bukannya sekadar bukti melalui penciptaan. Beliau juga berpendapat bahawa segala sesuatu dalam alam semesta bergerak ke arah tujuan tertentu. Pergerakan ini berpunca daripada satu entiti yang tidak bergerak tetapi menjadi punca kepada segala pergerakan. Entiti ini bersifat abadi, tidak berubah dan merupakan sumber utama kewujudan serta keteraturan dalam alam semesta.

Kajian berkaitan metafizik juga telah dilakukan oleh ilmuwan Islam. Antaranya Al-Farabi (2006) yang menganggap metafizik sebagai kajian berkaitan kewujudan secara mutlak yang melangkaui alam fizikal. Dalam karyanya Kitab al-Huruf, beliau menjelaskan bahawa metafizik bukan sekadar berkaitan perkara material semata-mata, tetapi juga konsep ketuhanan sebagai *Sabab al-Awwal* atau sumber segala kewujudan. Menurutnya lagi, metafizik ini mempunyai hierarki yang tersendiri di mana tuhan adalah sebagai wujud yang peringkat paling tertinggi.

Ringkasnya, metafizik merupakan cabang falsafah yang membincangkan hakikat kewujudan secara mendalam, melangkaui batasan alam fizikal dan pancaindera manusia. Dalam tradisi falsafah Barat dan Islam, tokoh-tokoh seperti Aristotle dan Al-Farabi menekankan bahawa metafizik adalah asas kepada pemahaman segala kewujudan, dengan Tuhan sebagai entiti mutlak dan sumber segala sesuatu. Oleh itu, kajian metafizik memainkan peranan penting dalam membentuk kerangka pemikiran tentang tujuan hidup dan struktur alam semesta, menjadikannya relevan dalam pendidikan falsafah dan agama hingga ke hari ini.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menelusuri secara mendalam pandangan pensyarah bahasa Arab di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) mengenai kepentingan penguasaan nahu Arab sebagai asas dalam memahami makna teks al-Quran.


Pandangan-pandangan pensyarah yang dikeluarkan ini disokong oleh beberapa kajian lepas yang menekankan hubungan erat antara struktur bahasa Arab dengan pemahaman falsafah wahyu. Antaranya Dani Saputra et al. (2023) yang menjelaskan bahawa pendekatan metafizik dalam pembelajaran nahu Arab dapat memperdalam kefahaman pelajar terhadap dimensi maknawi

dan metafizik dalam teks Islam. Wazzainab et al., (2017) juga menggariskan bahawa penguasaan nahu Arab adalah asas untuk memahami teks klasik dan al-Quran, terutama dalam menelusuri maksud-maksud berkaitan ketuhanan, qada' dan qadar, serta hubungan manusia dengan Tuhan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian fenomenologi untuk menelusuri pengalaman dan pandangan pensyarah bahasa Arab secara mendalam. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur melibatkan enam (6) orang pensyarah dari Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) yang mempunyai pengalaman mengajar nahu Arab. Data dianalisis secara analisis tematik dengan mengenal pasti tema-tema utama berdasarkan transkrip temu bual. Ringkasan metodologi adalah sebagaimana dalam Rajah 1:

Rajah 1: Ringkasan Metodologi



Data temu bual ini telah dirakam menggunakan perakam suara MP4 dan kemudiannya telah menjalani proses transkripsi. Data transkripsi ini kemudiannya dianalisis untuk mengenalpasti mengenal pasti koding dan kategori berasaskan tema yang telah diperolehi.

Dalam kajian ini para pensyarah diberikan label sebagai PSY manakala TB bermaksud temu bual dan disusuli dengan nombor satu hingga lima yang mewakili turutan pensyarah berkenaan. Nombor pada akhir petikan transkripsi tersebut mewakili baris. Dengan kata yang lain keenam-enam responden dilabelkan seperti Jadual 1:

Jadual 1: Profil Responden Temu Bual

Peserta	Label
---------	-------

Pensyarah 1	PSY_TB_1:1-74
Pensyarah 2	PSY_TB_1:1-57
Pensyarah 3	PSY_TB_1:1-114
Pensyarah 4	PSY_TB_1:1-119
Pensyarah 5	PSY_TB_1:1-72
Pensyarah 6	PSY_TB_1:1-71

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil temu bual dengan enam orang pensyarah bahasa Arab dari Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS) telah dianalisis secara tematik dan menghasilkan tiga tema utama berkaitan kepentingan penguasaan nahu Arab dalam memahami konsep metafizik dalam al-Quran:

Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Nahu Arab

Salah satu isu utama yang dibangkitkan oleh pensyarah dalam temu bual ini ialah berkenaan hala tuju dan motivasi pelajar dalam mempelajari nahu Arab. Menurut mereka, sebahagian besar pelajar melihat subjek ini sekadar keperluan akademik untuk lulus peperiksaan, tanpa mengaitkannya dengan tujuan yang lebih mendalam seperti memahami al-Quran, menghayati solat, atau berkhidmat kepada masyarakat. Ketiadaan matlamat rohani dan praktikal ini dilihat menyumbang kepada kelemahan penguasaan serta kurangnya minat terhadap subjek nahu Arab di peringkat pengajian tinggi.

Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar adalah mereka mempelajari tatabahasa Arab ini mungkin sekadar keperluan dalam kelas atau lulus subjek semata-mata. Mungkin kalau mereka belajar ni dengan tujuan yang lebih utama contohnya belajar bahasa Arab untuk memahami al-Quran, untuk khusyuk dalam solat ataupun untuk berbakti kepada masyarakat pada masa yang akan datang, mungkin dengan target itu, mereka akan ada satu hala tuju dalam pembelajaran nahu Arab ni. (PSY_TB_6:16-23)

Responden keenam menyatakan antara masalah yang dihadapi adalah pelajar mempelajari tatabahasa Arab ini sekadar untuk lulus kursus semata-mata. Pelajar tidak belajar untuk tujuan berfokus seperti memahami al-Quran atau bacaan solat serta berbakti kepada masyarakat. Sebaliknya, apabila pelajar didorong dengan tujuan yang lebih tinggi seperti memahami makna ayat al-Quran, mencapai kekhusyukan dalam solat atau menyumbang kepada pembangunan masyarakat, mereka lebih bersemangat dan berfokus dalam pembelajaran (Zakir Husain et al., 2023). Justeru, pendekatan pengajaran nahu Arab di institusi pengajian tinggi perlu disusun semula dengan menekankan nilai spiritual dan aplikatif dalam kehidupan pelajar.

Penggunaan Ayat al-Quran dalam Pengajaran Nahu

Menurut Zahriah et al., (2016), dalam pembelajaran nahu, adalah menjadi perkara penting untuk teks al-Quran dijadikan sebagai contoh. Pernyataan ini disokong oleh responden 2 sebagaimana petikan berikut:

Selain tu, jika ada ayat-ayat Quran yang mudah, saya kongsikan kepada mereka dan jelaskan ni isim, fe'el dan harf. Mereka dah tahu ayat lazim Cuma tak tahu yang itu adalah isim fe'el yang mereka belajar. (PSY_TB_2:29-31)

Penggunaan ayat-ayat al-Quran sebagai contoh dalam pengajaran nahu telah terbukti berkesan dalam meningkatkan kefahaman pelajar mengenai struktur linguistik dalam bahasa Arab. Kaedah ini sejajar dengan pandangan yang dinyatakan oleh Muhammad Bakhit (2022), yang menegaskan bahawa pengajaran nahu menggunakan teks al-Quran memberi pelajar gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana teori nahu diterapkan dalam konteks praktikal. Kajian oleh Yaqut (2004) juga menunjukkan bahawa apabila pelajar mengaitkan teori bahasa dengan ayat al-Quran, pemahaman mereka terhadap kedua-dua konsep tersebut menjadi lebih mendalam dan aplikatif.

Kepentingan Integrasi Kurikulum Nahu dan al-Quran

Pengajaran nahu Arab sering kali dijalankan secara terpisah daripada konteks sebenar penggunaannya, terutamanya dalam hubungannya dengan teks al-Quran (Zahriah et al., 2016). Hal ini menyebabkan pelajar memahami nahu hanya sebagai satu disiplin teknikal yang berdiri sendiri, tanpa menyedari bahawa struktur gramatikal yang dipelajari sebenarnya digunakan secara menyeluruh dalam al-Quran.

Jika ada lagi, mungkin faktor Quran. Mereka belajar bahasa Arab dan mengaji tapi tak tahu dalam Quran tu semua bahasa Arab yang tersusun nahunya. Kita tak kaitkan pembelajaran nahu ni dengan Quran. (PSY_TB_5:23-25)


Pelajar yang mempelajari bahasa Arab sering kali menganggap nahu sebagai subjek teknikal yang terpisah dari pemahaman teks al-Quran. Mereka diajar untuk memahami tatabahasa secara berasingan tanpa menyedari bahawa struktur bahasa Arab adalah teratur dan tersusun dalam al-Quran. Al-Jahiz (1968) mengatakan kefahaman bahasa yang baik memberi kefahaman mendalam terhadap al-Quran. Sibawayh (1959) pula berpendapat bahawa penguasaan tatabahasa sangat penting untuk memahami dan menafsirkan wahyu dengan tepat. Tanpa pemahaman yang mendalam terhadap struktur bahasa, banyak makna yang tersirat dalam al-Quran boleh disalah tafsirkan (Kamarul Shukri 2005).

Secara umumnya, motivasi pelajar dalam pembelajaran nahu Arab merupakan salah satu isu utama yang dibangkitkan oleh pensyarah. Kebanyakan pelajar mempelajari nahu Arab hanya untuk memenuhi keperluan akademik semata-mata, tanpa mengaitkannya dengan tujuan yang lebih mendalam seperti memahami al-Quran, memperbaiki kekusyukan dalam solat, atau

memberi sumbangan kepada masyarakat. Keadaan ini menyebabkan penguasaan nahu Arab kurang berkembang, dan pelajar kehilangan hala tuju dalam pembelajaran mereka. Oleh itu, pensyarah mencadangkan agar pengajaran nahu Arab diberi tujuan yang lebih tinggi dan relevan dengan kehidupan rohani pelajar, bagi meningkatkan minat dan penguasaan mereka dalam subjek ini (Zakir Husain et al., 2023).

Ringkasan kajian ini adalah sebagaimana Rajah 2:

Rajah 2: Peranan Nahu Arab Dalam Pemahaman Metafizik



Penggunaan ayat-ayat al-Quran dalam pengajaran nahu juga dianggap sebagai satu pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan pemahaman pelajar. Dengan mengaitkan teori nahu dengan ayat-ayat al-Quran, pelajar dapat memahami konsep-konsep tatabahasa dalam konteks yang lebih praktikal dan aplikatif. Menurut kajian oleh Zahriah et al. (2016) dan Muhammad Bakhit (2022), penggunaan ayat-ayat al-Quran dalam pengajaran nahu bukan sahaja memperkukuh pemahaman pelajar terhadap struktur bahasa, tetapi juga membolehkan mereka

melihat hubungan langsung antara teori bahasa dengan penerapan dalam teks suci. Ini sekali gus meningkatkan kefahaman mereka tentang makna yang tersirat dalam al-Quran.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kelemahan motivasi dalam kalangan pelajar untuk mempelajari nahu Arab berpunca daripada ketiadaan kesedaran terhadap kepentingan ilmu tersebut dalam konteks yang lebih besar seperti pemahaman al-Quran, solat dan peranan sosial. Apabila pembelajaran nahu dilihat hanya sebagai syarat lulus peperiksaan, maka pelajar akan mendekatinya secara pasif dan tidak berfokus. Justeru, pengajaran nahu Arab di institusi pengajian tinggi perlu disusun semula agar lebih menekankan nilai rohani, aplikasi harian dan sumbangan kepada masyarakat, sekali gus menjadikan ilmu ini lebih bermakna dan relevan dalam kehidupan mereka.

Selain itu, pengintegrasian ayat al-Quran dalam pengajaran nahu terbukti dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap struktur bahasa Arab. Ia bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih kontekstual dan bermakna, malah membantu pelajar memahami hubungan erat antara teori bahasa dan teks wahyu. Oleh itu, para pensyarah disarankan mengoptimumkan penggunaan ayat al-Quran dalam proses pengajaran dan memperkasa kurikulum agar selari dengan matlamat sebenar pembelajaran bahasa Arab, iaitu memahami risalah Ilahi dengan tepat dan mendalam.

Rujukan

- Al-Farabi. (2006). *Kitab al-huruf*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
<https://books.google.com.my/books?id=xBeYswEACAAJ>
- Al-Jahiz. (1968). *Kitab al-Bayan wa al-Tabyin* (Vol. 1968). Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Al-Sibawayh. (1959). *Al-Kitab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Aristotle, A., & Aristotle. (1933). *Metaphysics* (Vol. 1). Massachusetts: Harvard University Press Cambridge, MA.
- Bakhit, H. M. M. (2022). Emphatic particles in the Arabic language “A grammatical semantic study in the Holy Quran.” *International Journal of Health Sciences*, 6, 3613–3633.
- Chuan, C. L. (2006). Sample size estimation using Krejcie and Morgan and Cohen statistical power analysis: A comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7(1), 78–86.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan*. 2500.
- Husain, M. Z., Baha, A., Abdullah, I., Yahya, S., Yussop, Y., & Yusof, S. (2023). Kaedah Hafazan Al-Quran Dengan Faham Siyaq. *Ar-Rā'iq*, 6(1), 1–20.
- Husin, Z., Mustapha, N. F., Mezah, C. R., Toklubok@Hajimaming, P., & Abd Rahim, N. (2016).

- Kepentingan Nahu Arab dalam Menghafaz al-Quran. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(2), 95–110. <https://doi.org/10.17576/gema-2016-1602-06>
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2005). *Tatabahasa Arab & Pembinaan Hukum Daripada al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kesuma, M. el-K., Kesuma, G. C., & Saputra, D. (2021). Rancangan Media Pembelajaran Kosa Kata (Mufrodat) Bahasa Arab Berbasis Game Android. *Jurnal SIENNA*, 2(1), 32–42.
- Miladya, J. (2018). Evaluasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *An Nabighoh Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran Bahasa Arab*, 20(01), 179–187.
- Sauri, S. (2020). Sejarah Perkembangan Bahasa Arab Dan Lembaga Islam. *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 5(1), 73–88.
- Skinner, M. W. (1978). The hearing of speech during language acquisition. *Otolaryngologic Clinics of North America*, 11(3), 631–650.
- Takdir, T. (2020). Problematika pembelajaran bahasa Arab. *Naskhi: Jurnal Kajian Pendidikan Dan Bahasa Arab*, 2(1), 40–58.
- Van Inwagen, P. (2024). *Metaphysics*. New York: Routledge.
- Wazzainab, I., Ku Fatahiyah, K. A., Hanis Najwa, S., Farah Nur Rashida, R., & Norafidah, G. (2017). Isu Penguasaan Bahasa Arab dan Hafazan al-Quran. *4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017), September*, 21–32.
- Wicaksono, A., & Roza, A. S. (2015). *Teori Pembelajaran Bahasa: Suatu Catatan Singkat*. Yogyakarta: Garudhawaca.
- Yaqut, M. S. (2004). Al-Nahw al-Ta'limi wa al-Tatbiqi Fi al-Quran. In *Dar al-Ma'rifah al-Jami'iyah*.